

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"

Fax No.: 088-234076, 236177

Tel. No.: 088-256744

Your Ref.: KKTP.(S)500-14/3 JLD.2 (33)

Our Ref.:



KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT
AND HOUSING)

Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu

07 Februari 2007

SULIT

SEGERA

Mayor / Presiden / Pegawai Eksekutif
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Di Seluruh Sabah

YBhg. Datuk / Tuan,

**SYARAT-SYARAT MENGEMUKAKAN PELAN PEMBANGUNAN, PELAN BANGUNAN
DAN SIJIL MENDUDUKI OLEH JURUPERUNDING TEMPATAN**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian telah membuat syarat-syarat baru mengenai pengemukakan pelan pembangunan, pelan bangunan dan sijil menduduki oleh juruperunding tempatan untuk dikuatkuasakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah.

3. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:-

- 3.1 Semua permohonan kelulusan pelan yang dikemukakan kepada PBT di bawah maksud Akta Arkitek dan Akta Jurutera (Akta Pendaftar Jurutera 1967) dikehendaki berdaftar dengan PBT negeri Sabah;
- 3.2 Juruperunding Arkitek dan Jurutera dari luar negeri tidak dibenarkan mengemukakan pelan-pelan tertentu secara langsung kepada PBT negeri kecuali mereka mempunyai pejabat cawangan di negeri Sabah serta telah berdaftar dengan PBT negeri;
- 3.3 Juruperunding Arkitek dan Jurutera dari luar negeri dibenarkan mengemukakan pelan dengan syarat mereka bergabung atau memiliki rakan kongsi dengan Arkitek atau Jurutera tempatan yang telah berdaftar dengan PBT negeri;
- 3.4 Semua PBT dikehendaki mendaftarkan juruperunding Arkitek dan Jurutera yang memohon dengan menggunakan format borang A, B dan C yang dilampirkan berdasarkan kepada bidang masing-masing;
- 3.5 Semua permohonan kelulusan pelan mesti dikemukakan oleh seorang juruperunding professional yang berdaftar dengan Lembaga masing-masing dan bukan dikemukakan oleh firma atau syarikat. Nama dan nombor pendaftaran juruperunding tersebut mesti dinyatakan dengan jelas di dalam pelan-pelan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan;
- 3.6 Juruperunding professional yang mengemukakan permohonan kelulusan pelan mestilah orang yang sama bagi menandatangani permohonan untuk Sijil Menduduki (*Occupation Certificate*) atau Sijil Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*);

PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG

Rujukan: KKTP.(S) 500 - 14/3 JLD.2(33)
Tarikh: 07 Februari 2007

- 3.7 Pembukaan pejabat cawangan di negeri Sabah mesti mendapat kelulusan dari Lembaga masing-masing terlebih dahulu. Pejabat cawangan tersebut mesti diurus sepenuh masa oleh seorang Arkitek atau Jurutera professional yang menetap di negeri Sabah agar mudah dirujuk dan dihubungi;
- 3.8 Jika Arkitek atau Jurutera professional tersebut tidak menetap di negeri Sabah, maka beliau mesti diambil dari pejabat cawangan yang dibenarkan oleh Lembaga masing-masing dan mempunyai permit berkerja yang sah daripada Jabatan Imigresen Sabah;
- 3.9 Bagi juruperunding professional atau firma yang tidak berasal dari negeri Sabah, mereka perlu bergabung dengan juruperunding professional atau firma tempatan di mana juruperunding tempatan akan mengemukakan permohonan kelulusan pelan, mengawalselia dan akhirnya memohon Sijil Menduduki atau Sijil Siap dan Pematuhan.

4. Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan sepenuhnya mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



(UJANG SULANI)
Setiausaha Tetap

s.k. Pengarah,
Jabatan Perancang Bandar & Wilayah,
KOTA KINABALU.



Presiden,
Pertubuhan Arkitek Malaysia
Cawangan Sabah, 3rd Floor, Lot 5&6
Block A, Damai Plaza Phase IV
88300 KOTA KINABALU.

Pengerusi,
Institusi Jurutera Malaysia,
Cawangan Sabah, Peti Surat 14774,
KOTA KINABALU.

} Pihak tuan diminta
} memaklumkan semua
} juruperunding tempatan
} untuk mengemukakan
} pendaftaran kepada
} Pihak Berkuasa
} Tempatan
} dengan borang yang
} disertakan.

Lampiran